

27/09/2001

MTUC jangka 90,000 hilang kerja

Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Rabu - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menganggarkan kira-kira 90,000 pekerja di seluruh negara, terutama di sektor pembuatan, akan kehilangan pekerjaan sehingga akhir tahun ini berikutan keadaan ekonomi tidak menentu kesan pergolakan di Amerika Syarikat.

Sejak awal tahun ini sehingga sekarang saja lebih 30,000 pekerja di seluruh negara, dilaporkan sudah diberhentikan, kata Presiden MTUC, Datuk Zainal Rampak.

"Jika pergolakan di Amerika Syarikat berterusan dan keadaan ekonomi semakin tidak menentu, kita menjangka sehingga akhir tahun ini kira-kira 90,000 pekerja terutama di kilang elektronik, perusahaan dan kenderaan akan diberhentikan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan ramai pekerja akan kehilangan pekerjaan berikutan pergolakan di Amerika akibat serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon, Washington, 11 September lalu.

Berikutan serangan itu, Washington menaja pakatan antarabangsa bagi memerangi pengganas dan kini bersiap sedia untuk menyerang Afghanistan yang didakwa melindungi Osama bin Laden, orang paling disyaki mendalangi serangan paling buruk di Amerika.

Mengenai pakej rangsangan baru membabitkan peruntukan RM4.3 bilion yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangkis kemelut ekonomi kesan serangan pengganas di Amerika, Zainal yakin pakej itu mampu memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal pada paras positif.

Beliau juga berkata, peruntukan RM150 juta bagi melatih pekerja yang diberhentikan serta elaun sementara RM500 sebulan kepada 10,000 pemegang ijazah dan diploma dapat membantu graduan meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan bersaing mencari pekerjaan.

"Pada masa sama, peruntukan itu membantu mengurangkan beban ibu bapa," katanya.

MTUC, katanya, menggesa majikan supaya tidak bertindak terburu-buru dengan memberhentikan pekerja sementara kerajaan bertungkus lumus memperkenalkan pelbagai pakej untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Majikan selalunya cepat bertindak memberhentikan pekerja tanpa memikirkan untuk memberi pilihan lain seperti mengurangkan waktu bekerja, menukar pekerja ke bahagian atau jabatan lain serta menjalankan latihan semula.

"Inisiatif seperti itu sepatutnya dibincangkan di kalangan pekerja dan kesatuan supaya kesan kelembapan ekonomi dapat dikurangkan," katanya.

Selain itu, Zainal meminta Kementerian Sumber Manusia memperkenalkan dasar yang mengutamakan rakyat tempatan dalam mencari pekerjaan, di samping menghentikan pengambilan pekerja asing ke negara ini.

(END)